TERKINI ENGLISH MALAYSIA VIDEO DUNIA POLITIK HIBURA

# Untung bersih Apex Healthcare meningkat 83% kepada RM23.49 juta Q2 FY2022

Dagang News
Ogos 17, 2022 09:15 MYT




*Lembaga Pengarah umum dividen interim sebanyak 3.0 sen sesaham, meningkat 20% berbanding dividen interim 2.5 sen yang diumumkan pada 2021*

**KUALA LUMPUR:** Apex Healthcare Berhad, antara pengeluar dan pengedar produk farmaseutikal serta barangan penjagaan kesihatan pengguna yang terkemuka di Malaysia, telah mencatatkan lonjakan sebanyak 83.2% dalam keuntungan bersih kepada RM23.49 juta bagi suku

## Berita Terkini

Pendapatan bagi suku tersebut juga menyaksikan peningkatan hingga 14.6% kepada RM209.25 juta daripada RM182.56 juta pada tahun sebelumnya.

Prestasi Apex Healthcare untuk Q2 FY2022 telah menyumbang kepada prestasi yang kukuh bagi separuh pertama tahun ini, dengan catatan peningkatan sebanyak 58.9% dalam keuntungan bersih kepada RM39.26 juta untuk separuh pertama tahun kewangan 2022 (H1 FY2022), meningkat daripada RM24.7 juta pada separuh pertama tahun kewangan 2021 (H1 FY2021).

## Anda mungkin berminat pada artikel ini

- Untung bersih Duopharma Biotech meningkat kepada RM16.31 juta pada suku kedua (https://www.astroawani.com/berita-bisnes/untung-bersih-duopharma-biotech-meningkat-kepada-rm16-31-juta-pada-suku-kedua-376462?utm_source=news_keyword_widget&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20220818%20News-Keyword-untung bersih)
- Untung bersih S1 CIMB Group susut kepada RM1.43 bilion (https://www.astroawani.com/berita-bisnes/untung-bersih-s1-cimb-group-susut-kepada-rm1-43-bilion-364114?utm_source=news_keyword_widget&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20220818%20News-Keyword-untung bersih)

Pendapatan untuk enam bulan pertama 2022 meningkat 17.4% kepada RM425.17 juta, berbanding RM362.04 juta pada tahun sebelumnya.

Syarikat mengaitkan prestasi kewangannya yang kukuh dengan pendapatan dan keuntungan operasi yang lebih baik daripada anak-anak syarikatnya, hasil daripada aktiviti pengguna yang semakin bertambah, lonjakan permintaan terhadap ubatan pernafasan dalam pasaran utama.





**Truss tidak mahu terima perubahan Protokol Ireland Utara**




**Sultan Nazrin berkenan lancar lo baharu MIM**




**COVID-19: 3,516 k baharu, 15 kemati dicatat**




**Skuad boling rema lelaki raih pingat perak acara berpasukan**

**Dapatkan berita terkini melalui emel anda**




Emel Anda

DAFTAR

Prestasi keuntungan daripada SAG untuk Q2 FY2022 adalah RM7.2 juta, satu peningkatan ketara berbanding RM0.7 juta yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada tahun lalu setelah tunggakan pesanan diselesaikan dengan segera selepas hasil pengeluaran kembali normal pada suku kedua.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Apex Healthcare, Dr Kee Kirk Chin berkata, pemantapan teras dan kemampuan Apex Healthcare dalam memenuhi permintaan pasaran yang berubah-ubah membolehkan syarikat mencatat prestasi yang cemerlang sejak pandemik melanda.

“Kehadiran subvarian COVID-19 yang mencetuskan gelombang di peringkat global mendorong kami untuk terus berusaha keras dalam mengekalkan integriti rantaian bekalan.

“Kami amat menghargai komitmen para pekerja dan rakan kongsi yang bekerja tanpa lelah demi memenuhi peningkatan permintaan terhadap ubat-ubatan,” katanya.

Walau bagaimanapun kata Dr Kee, masih terdapat kelompangan dalam pasaran semasa terutamanya untuk beberapa preskripsi dan ubat belian kaunter bagi ubat batuk serta selsema.

“Syarikat berusaha dengan aktif dalam menangani kekurangan produk tersebut agar dapat meningkatkan ketersediaannya buat profesional penjagaan kesihatan dan pengguna dalam beberapa bulan yang akan datang,” tambahnya.

Untuk memenuhi keperluan pasaran, Apex Healthcare telah mempercepatkan pelancaran dua produk paracetamol baharu, Palavo 650mg dan Palavo Suspension 120mg/5ml, ke S2 TK2022.

Syarikat juga telah menugaskan sebuah lagi mesin pembungkusan lepuh dalam fasiliti pembuatan dos pepejal oral terbaharunya (SPP NOVO), sekaligus meningkatkan jumlah maksimum kapasiti pengeluaran tahunan untuk tablet dan kapsul sebanyak 36%.

Selain itu, mesin pengeluaran cecair berkapasiti tinggi yang baharu sedang menjalani proses kelayakan dan dijadualkan untuk memulakan pengeluaran komersial pada suku ketiga tahun 2022, seterusnya

Selepas peningkatan terhadap prestasi kewangan H1 FY2022, Lembaga Pengarah Apex Healthcare mengumumkan dividen interim sebanyak 3.0 sen sesaham.

Jumlah tersebut adalah bersamaan dengan peningkatan 20% berbanding dividen interim 2.5 sen yang diumumkan dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Tarikh kelayakan dividen interim adalah 6 September 2022 dan akan dibayar pada 15 September 2022. – ***DagangNews.com***

## Cara lain mengikuti berita kami

- *Telegram* (http://bit.ly/37LkRRB)

#Apex Healthcare Berhad #untung bersih #produk farmaseutikal #pendapatan

**Spend More, Get More Rewards with BonusLink**

Power Up Rewards
**Shell** | Sponsored

**1 Cara mengecilkan perut buncit secara mudah & alami**

**Shinyakoso Enzyme** | Sponsored

**Penduduk Malaysia yang lahir di antara tahun 1941-81 boleh mendapat faedah ini pada tahun 2022**

**Survey Compare** | Sponsored

**Free Masterclass | How to Invest Profitably in UK Property that Generate 6% Yield?**

**Select Property Group** | Sponsored

**CNA Insight** | Sponsored

## Jenazah Mustapha Kamal selamat dikebumikan | Astro Awani

**Astro Awani**

## Sah cerai talak tiga, teka-teki status perkahwinan Sultan Kelantan terjawab | Astro Awani

**Astro Awani**

## Adi Putra ceraikan kedua-dua isteri? | Astro Awani

**Astro Awani**

## 'Sultan Sulu' meninggal dunia papa kedana | Astro Awani

**Astro Awani**

### Keely Shaye Smith, 57, Shows Off Massive Weight Loss In Fierce New Photo

**Best Of Senior** | Sponsored

### After COVID-19: Are We Prepared For The Next Pandemic?

**CNA Insight** | Sponsored

### The cost of stair lifts in Ibu Pejabat Penjara Malaysia might surprise you

**pr.stairliftsellmy.com** | Sponsored